

Kes pelajar maut: ditikam rakan sekolah

Kerajaan ambil tindakan tegas tangani isu disiplin di sekolah

Putrajaya: Kerajaan akan mengambil tindakan tegas bagi menangani isu masalah disiplin dan keselamatan di sekolah, termasuk yang dikaitkan dengan penggunaan serta pengaruh media sosial, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Jemaah Menteri akan bermesyua-

rat mengenai perkara terbabit dalam tempoh terdekat supaya ada tindakan yang boleh dilaksanakan.

"Kita akan adakan perjumpaan mengenai isu ini. Saya sudah komen mengenai sekolah (kejadian) terbabit tetapi apabila kita lihat secara menyeluruh, hampir kesemuanya berbalik ke-

pada telefon pintar, media sosial dan aplikasi.

"Jadi, mungkin hari ini (semalam) atau esok (hari ini) saya akan mengadakan mesyuarat Jemaah Menteri untuk membincangkan perkara ini. (Kerajaan) harus ambil tindakan tegas," katanya selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan Kement-

terian Kewangan, di sini semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kejadian pelajar perempuan Tingkatan Tiga maut ditikam pelajar lelaki Tingkatan Satu, di sekolah di Selangor, kelmarin.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, biarpun tinda-

kan yang bakal diambil mungkin mengundang pelbagai reaksi, kerajaan tidak boleh berkompromi dalam soal disiplin dan keselamatan pelajar.

"Harus ada ketegasan. Kita tidak boleh biarkan isu ini berlarutan kerana hampir semuanya berbalik kepada pengaruh media sosial," katanya.